

BERITA HARIAN

DATE: 2 / 11 / 2010

Malaysia rapat jurang Barat, Islam

Pengalaman negara berbilang kaum dimanfaatkan tangani masalah Islamofobia

Oleh Anwar Hussin
dan Sazarina Shahrin
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pengalaman Malaysia sebagai negara berbilang bangsa, agama dan budaya, boleh dimanfaatkan dalam merapatkan jurang antara Barat dan negara Islam bagi menangani masalah Islamofobia supaya tidak berlaku salah faham dan pandangan negatif terhadap agama Islam, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara pelbagai kaum, Malaysia mempunyai pengalaman yang luas dalam

menangani isu yang bersangkutan serta ia memberi manfaat bagi menyelesaikan masalah salah faham terhadap agama Islam itu.

"Kedudukan Malaysia yang unik itu sendiri diiktiraf dan diakui Presiden Amerika Syarikat (Barrack Obama).

"Bagaimanapun, dalam kita mula memainkan peranan yang lebih besar di arena global, kita harus mengekalkan status negara berbilang pada peringkat antarabangsa dan menguatkan perpaduan serta hidup dalam harmoni," katanya dalam ucapan dalam Majlis Makan Malam Persatuan Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu Malaysia (UNAM), di sini, malam tadi.

Najib tidak dapat hadir pada majlis kerana masalah kesihatan dan teks ucapannya dibaca Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Turut berkenan berangkat adalah Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah dan hadir sama Presiden UNAM, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail.

Najib pernah menyuarakan pandangan yang sama pada Obama pada mesyuarat kedua pemimpin ASEAN-AS, ketika beliau menghadiri persidangan PBB, September lalu.

Menyentuh mengenai pe-

ranan Malaysia dalam ASEAN, beliau berkata, Malaysia akan berperanan aktif bagi menjadikan ASEAN sebagai wahana dalam kerjasama serantau dan platform untuk aktiviti antarabangsa bagi kepentingan semua pihak.

Sementara itu, Najib tidak mahu budaya 'automasi' berlaku dalam sektor awam sebaliknya meminta supaya kakitangan kerajaan sentiasa berfikir di luar kotak dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kakitangan awam seharusnya mengamalkan pemikiran kritis dan konstruktif da-

lam melaksanakan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian secara kreatif dan inovatif.

"Kita perlu sentiasa komited untuk melaksanakan aktiviti peningkatan produktiviti kerja serta bersedia membuat pembaharuan dalam proses susun atur kerja bagi meningkatkan sistem penyampaian," katanya berucap pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kewangan yang bertemakan 'Inovasi Pemacu Transformasi', di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.